

PENGUASAAN TOPIK KEBANGKITAN NASIONALISME DALAM KALANGAN MURID TINGKATAN 4 MELALUI PEMBELAJARAN TERADUN

[ENHANCING FORM FOUR STUDENTS' MASTERY OF THE "RISE OF NATIONALISM" TOPIC IN HISTORY THROUGH BLENDED LEARNING]

VIVIAN ANTONIA MISEH^{1*} & ANUAR AHMAD¹

^{1*} Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.
Correspondent Email: P145092@siswa.ukm.edu.my

Received: 24 December 2025

Accepted: 17 January 2026

Published: 09 February 2026

Abstrak: Kebergantungan pedagogi Sejarah kepada pendekatan hafalan di sekolah luar bandar terus membataskan pembinaan kefahaman konseptual murid, sekali gus menuntut inovasi pengajaran yang lebih bermakna. Kajian ini menilai keberkesanan pembelajaran teradun terhadap penguasaan murid Tingkatan 4 dalam topik Kebangkitan Nasionalisme di sebuah sekolah menengah luar bandar di Sabah. Reka bentuk pra-eksperimen satu kumpulan dengan ujian pra dan pasca digunakan melibatkan 100 orang murid, disokong soal selidik bagi mengukur persepsi, motivasi dan minat. Analisis ujian-t sampel berpasangan menunjukkan peningkatan penguasaan yang signifikan selepas intervensi ($t(99) = 18.783$, $p < 0.001$). Walaupun persepsi murid terhadap pembelajaran teradun berada pada tahap tinggi, korelasi dengan pencapaian tidak signifikan ($r = -0.099$, $p = 0.329$). Sebaliknya, motivasi dan minat menunjukkan hubungan signifikan tetapi lemah dengan penguasaan Sejarah ($r = 0.197$, $p = 0.049$), menandakan peranannya sebagai pemangkin penglibatan pembelajaran. Dapatan ini menegaskan bahawa keberkesanan pembelajaran teradun bergantung pada reka bentuk pedagogi yang sistematik dan bimbingan guru yang konsisten, bukan persepsi positif semata-mata. Kajian ini memperluas bukti empirikal keberkesanan pembelajaran teradun ke konteks pendidikan Sejarah luar bandar, serta memberi implikasi praktikal kepada guru dan pengurusan sekolah untuk merancang pengajaran yang lebih aktif, fleksibel dan berpusatkan murid melalui sokongan infrastruktur digital dan latihan profesional berterusan.

Kata Kunci: pembelajaran teradun, penguasaan Sejarah, motivasi dan minat, persepsi murid, luar bandar

Abstract: The continued reliance on rote-based History pedagogy in rural schools constrains students' conceptual understanding, highlighting the need for more meaningful instructional innovation. This study examined the effectiveness of blended learning in enhancing Form Four students' mastery of the Rise of Nationalism topic in a rural secondary school in Sabah, Malaysia. A one-group pre-experimental design with pre- and post-tests was employed involving 100 students, complemented by a questionnaire measuring students' perceptions, motivation, and interest. Paired-sample t-test results revealed a significant improvement in students' mastery following the intervention ($t(99) = 18.783$, $p < 0.001$). Although students reported high levels of positive perception towards blended learning, correlation analysis indicated no significant relationship between perception and academic achievement ($r = -0.099$, $p = .329$). In contrast, motivation and interest demonstrated a statistically significant but weak relationship with History mastery ($r = 0.197$, $p = 0.049$), suggesting their role as facilitators rather than primary determinants of learning outcomes. These findings underscore that the effectiveness of blended

learning depends largely on systematic pedagogical design and consistent teacher guidance, rather than positive learner disposition alone. This study extends empirical evidence on blended learning into rural History education contexts and offers practical implications for teachers and school administrators in designing more active, flexible, and learner-centred instruction supported by strengthened digital infrastructure and continuous professional development.

Keywords: blended learning, History mastery, motivation and interest, students' perception, rural education

Cite This Article:

Vivian Antonia Misch & Anuar Ahmad. (2026). Penguasaan Topik Kebangkitan Nasionalisme Dalam Kalangan Murid Tingkatan 4 Melalui Pembelajaran Teradun [Enhancing Form Four Students' Mastery Of The "Rise Of Nationalism" Topic In History Through Blended Learning]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 6(1), 119-137.

PENDAHULUAN

Sejarah berfungsi sebagai wahana strategik pembentukan identiti nasional dan pemupukan kesedaran sivik dalam kalangan generasi muda. Dalam konteks pendidikan Malaysia, mata pelajaran Sejarah melangkaui fungsi transmisi pengetahuan semata-mata untuk bertindak sebagai instrumen ideologikal yang membentuk kefahaman murid terhadap perjuangan dan pengorbanan generasi terdahulu. Jaafar dan Noor (2016) menegaskan bahawa Sejarah merupakan alat didikan utama yang berupaya membentuk pemikiran murid terhadap masyarakat dan negara melalui penghayatan nilai perpaduan dan semangat kebangsaan. Justeru, penguasaan topik Kebangkitan Nasionalisme perlu ditafsir sebagai asas epistemologi pembentukan warganegara yang berkeupayaan menilai makna kemerdekaan secara kritis dan reflektif.

Walaupun prestasi mata pelajaran Sejarah dalam peperiksaan awam menunjukkan peningkatan, tahap penghayatan murid terhadap makna peristiwa Sejarah masih membimbangkan. Laporan Bernama (2025) merekodkan peningkatan Gred Purata Kebangsaan SPM (Sijil Pelajaran Malaysia) 2024 kepada 4.49, namun realitinya sebahagian besar murid masih mentafsir Sejarah sebagai subjek hafalan yang terpisah daripada makna perjuangan nasional. Selari dengan itu, kekurangan pendedahan mendalam terhadap nilai pengorbanan tokoh negara melemahkan penghargaan murid terhadap Sejarah sebagai landasan pembentukan jati diri dan perpaduan kaum (Laila, 2021). Keadaan ini memperlihatkan jurang ketara antara pencapaian kuantitatif dan penghayatan kualitatif terhadap makna Sejarah.

Dari sudut pedagogi, dominasi pendekatan tradisional yang berpusatkan guru terus membataskan penglibatan aktif murid. Penekanan hafalan fakta didapati menghalang pembinaan kefahaman bermakna serta pemikiran kritis (Mahzan et al., 2014; Abdullah et al., 2019). Cabaran ini diperkukuh oleh persekitaran digital yang mendedahkan murid kepada pelbagai naratif Sejarah yang bercanggah. Tanpa literasi Sejarah, murid cenderung menerima maklumat secara pasif tanpa menilai kesahihan sumber (Wineburg, 2015). Realiti ini menuntut peranan guru sebagai fasilitator yang membimbing murid membina kemahiran penilaian kritikal terhadap sumber Sejarah.

Seiring transformasi pendidikan global, Kementerian Pendidikan Malaysia melaksanakan pelbagai dasar strategik bagi mengarusperdanakan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025 menegaskan integrasi teknologi melalui Anjakan Ketujuh (KPM, 2013), manakala Dasar Pendidikan Digital 2021 memperkukuh pembangunan ekosistem pendidikan digital yang holistik (KPM, 2021). Pada peringkat pelaksanaan, platform DELiMa dan Garis Panduan Amalan PdP (Pengajaran dan Pembelajaran) Digital 2023 diperkenalkan bagi menyokong integrasi digital dalam bilik darjah (KPM, 2023). Namun demikian, jurang digital bandar-luar bandar serta tahap kesediaan guru masih menjadi cabaran struktural yang mengekang keberkesanan pelaksanaan dasar.

Dalam konteks ini, pembelajaran teradun muncul sebagai strategi pedagogi yang selari dengan aspirasi dasar KPM. Pembelajaran teradun yang menggabungkan interaksi bersemuka dan dalam talian berpotensi mengoptimumkan kelebihan kedua-dua pendekatan (Salleh & Manaf, 2017). Bukti empirikal menunjukkan pendekatan ini meningkatkan motivasi dan penglibatan murid (Rosman & Hamid, 2020; Mohammed, 2021), sekali gus menyediakan persekitaran pembelajaran yang lebih fleksibel, interaktif dan bermakna.

Dari sudut teori, kajian ini disandarkan kepada Teori Konstruktivisme Sosial yang menekankan pembelajaran sebagai proses pembinaan makna melalui interaksi sosial (Vygotsky, 1978), Model Komuniti Pembelajaran yang menggariskan kehadiran kognitif, pengajaran dan sosial sebagai prasyarat pembelajaran bermakna (Garrison & Anderson, 2011), serta Teori Motivasi Kendiri yang menjelaskan bahawa motivasi intrinsik berkembang apabila keperluan autonomi, kompetensi dan keterikatan sosial dipenuhi (Ryan & Deci, 2000). Kerangka ini memperkukuh rasional pelaksanaan pembelajaran teradun dalam pengajaran Sejarah yang menekankan pembelajaran aktif dan kolaboratif.

Walaupun dasar, teori dan bukti empirikal berkaitan pembelajaran teradun telah kukuh, kebanyakan kajian terdahulu masih menilai penggunaan teknologi secara umum atau tertumpu kepada mata pelajaran lain tanpa mengaitkannya secara langsung dengan penguasaan kandungan Sejarah yang sarat dimensi identiti dan nilai kebangsaan. Lebih ketara, belum terdapat kajian tuntas dalam konteks tempatan yang meneliti secara khusus keberkesanan pembelajaran teradun terhadap topik Sejarah bernilai nasionalisme, khususnya dalam persekitaran sekolah luar bandar. Jurang ini mewajarkan keperluan kajian semasa untuk menilai secara empirikal keberkesanan pembelajaran teradun terhadap penguasaan topik Kebangkitan Nasionalisme serta hubungannya dengan persepsi, motivasi dan minat murid.

Sehubungan itu, kajian ini meneliti tahap penguasaan murid Tingkatan 4 terhadap topik Kebangkitan Nasionalisme selepas pelaksanaan pembelajaran teradun serta hubungan antara persepsi, motivasi dan minat murid dengan pencapaian Sejarah mereka. Kajian ini menyumbang bukti empirikal khusus bidang pendidikan Sejarah dalam konteks sekolah luar bandar, sekali gus memperjelas peranan faktor afektif sebagai mekanisme sokongan kepada pembelajaran bermakna bagi topik yang sarat nilai kebangsaan. Dapatan kajian ini diharapkan dapat dimanfaatkan oleh pengurusan dan pentadbir pendidikan dalam memperkukuh pelaksanaan pedagogi digital selaras dengan agenda pendigitalan pendidikan luar bandar di Malaysia.

Objektif kajian ini adalah untuk: (i) menilai tahap penguasaan murid Tingkatan 4 terhadap topik Kebangkitan Nasionalisme selepas pelaksanaan pembelajaran teradun; dan (ii)

menentukan hubungan antara persepsi, motivasi dan minat murid dengan pencapaian Sejarah mereka.

TINJAUAN LITERATUR

Konteks Pendidikan Sejarah dan Isu Penguasaan Nasionalisme

Pendidikan Sejarah secara konseptual berperanan sebagai instrumen strategik dalam pembentukan identiti nasional dan kesedaran sivik generasi muda. Dalam konteks Malaysia, mata pelajaran Sejarah tidak terhad kepada pemindahan fakta, sebaliknya berfungsi sebagai wahana ideologikal yang membentuk kefahaman murid terhadap perjuangan, pengorbanan dan proses pembinaan negara bangsa (Jaafar & Noor, 2016; Barton & Levstik, 2004). Kurikulum Sejarah dirangka untuk memupuk kesedaran tentang asal-usul negara, dinamika masyarakat majmuk serta perjalanan menuju kemerdekaan, sejajar dengan aspirasi pendidikan kebangsaan melahirkan warganegara yang berjati diri dan berfikiran kritis.

Namun, bukti empirikal tempatan menunjukkan bahawa penguasaan murid terhadap topik Kebangkitan Nasionalisme masih bersifat permukaan dan berorientasikan peperiksaan (Mahzan et al., 2014; Abdullah et al., 2019; Laila, 2021). Murid cenderung menghafal tarikh, tokoh dan peristiwa tanpa memahami ideologi perjuangan serta implikasinya terhadap pembinaan identiti kebangsaan. Fenomena ini memperlihatkan jurang antara hasrat kurikulum dengan realiti amalan bilik darjah. Pedagogi tradisional yang berpusatkan guru dikenal pasti sebagai faktor utama kelemahan ini, khususnya melalui dominasi syarahan sehalu yang menjadikan murid pasif dan meminggirkan dialog bermakna (Abdullah et al., 2019). Selari dengan dapatan antarabangsa, murid sering mentafsir Sejarah sebagai koleksi fakta tetap, bukan sebagai proses interpretasi yang dinamik (Wineburg, 2015; VanSledright, 2014). Akibatnya, murid gagal membangunkan pemikiran kritis, empati Sejarah dan keupayaan menilai pelbagai perspektif yang menjadi teras pendidikan Sejarah abad ke-21. Sehubungan itu, literatur kontemporari secara konsisten mencadangkan keperluan pendekatan pedagogi yang lebih fleksibel dan berpusatkan murid, antaranya melalui integrasi pembelajaran teradun yang menggabungkan kekuatan interaksi bersemuka dengan sokongan digital.

Budaya pembelajaran yang menerima autoriti buku teks tanpa dipersoalkan turut mengekang perkembangan pemikiran reflektif (Barton & Levstik, 2004). Dalam konteks Malaysia, nilai menghormati autoriti guru boleh mengurangkan keberanian murid untuk menyoal naratif Sejarah dominan (Lee, 2025), sekali gus mengehadkan pembinaan wacana kritikal dan kefahaman nasionalisme yang berlapis perspektif. Kompleksiti cabaran ini meningkat dalam era digital apabila murid terdedah kepada pelbagai naratif Sejarah di media sosial. Wineburg et al. (2016) menunjukkan bahawa murid kerap gagal membezakan sumber sahih dan palsu. Tanpa literasi Sejarah yang kukuh, murid mudah terpengaruh dengan propaganda dan maklumat tidak berasas (Lévesque, 2008). Keadaan ini menuntut transformasi pedagogi yang menekankan penilaian sumber, inferens dan interpretasi berasaskan bukti.

Konsep Kebangkitan Nasionalisme dan Signifikasinya dalam Pendidikan

Nasionalisme ditakrifkan sebagai kesedaran kolektif yang mengikat individu kepada identiti kebangsaan melalui bahasa, budaya, sejarah dan simbol bersama (Anderson, 2006; Smith, 2010). Anderson (2006) memperkenalkan konsep *imagined communities* yang menjelaskan bahawa identiti nasional dibina melalui perkongsian naratif dan simbol kebangsaan, manakala Smith (2010) menekankan peranan memori kolektif dan warisan budaya dalam pembentukan nasionalisme. Perspektif ini menegaskan bahawa nasionalisme merupakan konstruk sosial yang dibentuk melalui proses pendidikan dan sosialisasi politik.

Dalam konteks Malaysia, kebangkitan nasionalisme merujuk kepada kesedaran politik dan sosial masyarakat tempatan dalam menentang penjajahan serta memperjuangkan kemerdekaan (Laila, 2021). Sejarah kebangkitan nasionalisme memperlihatkan peranan tokoh tempatan, gerakan politik dan institusi pendidikan dalam menyemai kesedaran kebangsaan melalui siri peristiwa, rundingan dan mobilisasi masyarakat yang membentuk identiti nasional secara kolektif. Walau bagaimanapun, dalam konteks abad ke-21, nasionalisme berdepan cabaran baharu akibat globalisasi, pengaruh media sosial dan perubahan nilai generasi muda (Castells, 2010; Bělohrad, 2019). Generasi muda semakin cenderung mentafsir nasionalisme secara simbolik tanpa penghayatan mendalam terhadap nilai perjuangan, sekali gus menimbulkan kebimbangan tentang kelestarian semangat patriotisme dalam generasi akan datang (Seixas & Morton, 2013; Lévesque, 2008).

Dalam pendidikan, nasionalisme berfungsi sebagai asas pembentukan jati diri dan perpaduan kaum. Sekolah berperanan sebagai agen sosialisasi politik yang membentuk kefahaman murid terhadap sejarah negara dan tanggungjawab sivik (Jaafar & Noor, 2016; Barton & Levstik, 2004). Namun, keberkesanan peranan ini bergantung pada pendekatan pedagogi yang digunakan. Pengajaran berasaskan hafalan didapati kurang berupaya membentuk kesedaran nasionalisme yang reflektif dan kritikal (Mahzan et al., 2014; Abdullah et al., 2019). Oleh itu, literatur menegaskan bahawa nasionalisme perlu diajar secara kontekstual, kritikal dan berasaskan inkuiri agar murid dapat mengaitkan peristiwa lampau dengan realiti semasa serta membina identiti kebangsaan yang dinamik.

Pembelajaran Teradun sebagai Pendekatan Inovatif dalam Pendidikan Sejarah

Pembelajaran teradun ditakrifkan sebagai gabungan pembelajaran bersemuka dan dalam talian yang mengoptimumkan kekuatan kedua-dua mod (Garrison & Vaughan, 2008; Graham, 2006). Pendekatan ini menekankan fleksibiliti, interaktiviti dan autonomi murid (Bidin & Ziden, 2013). Salleh dan Manaf (2017) mentakrifkan pembelajaran teradun sebagai strategi yang mengintegrasikan interaksi fizikal dan maya bagi meningkatkan penglibatan murid. Kajian tempatan turut menunjukkan bahawa pembelajaran teradun meningkatkan motivasi, penglibatan dan kepuasan murid (Rosman & Hamid, 2020; Mohammed, 2021; Noraini, 2010). Dalam konteks pendidikan Sejarah, penggunaan video arkib, perbincangan dalam talian dan tugas reflektif dilaporkan dapat meningkatkan minat murid serta menyokong pembelajaran sendiri dan kolaboratif (Seixas & Morton, 2013; VanSledright, 2014). Murid menjadi lebih

aktif apabila diberi peluang meneroka bahan sejarah secara sendiri dan berdiskusi secara kolaboratif, sekali gus memperkukuh pemahaman konseptual.

Walau bagaimanapun, terdapat inkonsistensi dapatan apabila sesetengah kajian melaporkan kesan sederhana atau tidak signifikan terhadap pencapaian akademik jika pelaksanaan tidak dirancang secara sistematik (Graham, 2006; Means et al., 2013). Keberkesanan pembelajaran teradun bergantung pada reka bentuk pedagogi, kompetensi guru dan kesediaan murid (Darling-Hammond et al., 2017). Guru perlu berperanan sebagai fasilitator yang membimbing murid membina pengetahuan secara aktif melalui aktiviti inkuiri dan refleksi. Selain itu, jurang digital antara sekolah bandar dan luar bandar turut mempengaruhi pelaksanaan pendekatan ini (KPM, 2021). Kekangan infrastruktur dan akses internet menyebabkan pelaksanaan pembelajaran teradun tidak seragam, dan keberkesanan sebenar bergantung pada konteks setempat serta sokongan ekosistem sekolah.

Kerangka Teori dan Justifikasi Pendekatan Pembelajaran Teradun

Pembelajaran teradun disokong oleh beberapa teori utama. Teori Konstruktivisme Sosial oleh Vygotsky (1978) menegaskan bahawa pembelajaran berlaku melalui interaksi sosial dan pembinaan makna secara kolaboratif. Dalam konteks pembelajaran teradun, interaksi bersemuka dan maya mewujudkan persekitaran yang memperkayakan proses pembinaan pengetahuan melalui dialog dan kolaborasi. Model Komuniti Pembelajaran (*Community of Inquiry*, CoI) menekankan keseimbangan kehadiran kognitif, pengajaran dan sosial sebagai prasyarat pembelajaran bermakna (Garrison & Vaughan, 2011). Teori Motivasi Kendiri oleh Ryan dan Deci (2000) pula menjelaskan bahawa motivasi intrinsik berkembang apabila keperluan autonomi, kompetensi dan keterikatan sosial dipenuhi. Prinsip ini selari dengan ciri pembelajaran teradun yang menyediakan ruang pembelajaran sendiri, cabaran bermakna dan interaksi sosial yang menyokong perkembangan motivasi dalaman murid.

Walaupun kerangka teori ini kukuh, kebanyakan kajian terdahulu mengaplikasikannya secara umum tanpa pengujian empirikal yang memfokuskan pendidikan Sejarah. Penyelidikan lebih banyak tertumpu kepada mata pelajaran lain seperti Sains dan Matematik (Means et al., 2013; Graham, 2019). Selain itu, kajian dalam konteks sekolah luar bandar masih terhad walaupun persekitaran ini mempunyai kekangan infrastruktur yang unik, sekali gus mempengaruhi keberkesanan pendekatan teradun dalam situasi sebenar bilik darjah. Justeru, kajian ini diperlukan bagi menguji secara empirikal keberkesanan pembelajaran teradun terhadap penguasaan topik Kebangkitan Nasionalisme serta menjelaskan peranan faktor afektif dalam konteks sekolah luar bandar Malaysia.

Sehubungan itu, kajian ini bukan sahaja bertujuan menilai keberkesanan pembelajaran teradun dalam konteks tempatan, malah berfungsi sebagai replikasi empirikal terhadap dapatan kajian terdahulu yang melaporkan kesan positif pendekatan teradun terhadap pencapaian dan motivasi murid (Means et al., 2013; Graham, 2019; Rosman & Hamid, 2020). Berbeza daripada kebanyakan kajian lepas yang tertumpu kepada mata pelajaran Sains dan Matematik atau konteks bandar, penyelidikan ini menguji semula andaian teori Konstruktivisme Sosial, Model *Community of Inquiry* serta Teori Motivasi Kendiri dalam konteks pendidikan Sejarah dan persekitaran sekolah luar bandar Malaysia. Dengan menilai perubahan penguasaan topik

Kebangkitan Nasionalisme serta hubungan faktor afektif murid, kajian ini memperluas aplikasi model sedia ada kepada domain kandungan dan konteks sosio-budaya yang berbeza, sekali gus menyumbang bukti tambahan terhadap kebolehgunaan kerangka teori tersebut dalam pendidikan Sejarah.

METODOLOGI KAJIAN

Berpandukan kerangka teori dan jurang kajian yang dikenal pasti dalam tinjauan literatur, kajian ini direka bentuk bagi menilai keberkesanan pembelajaran teradun terhadap penguasaan topik Kebangkitan Nasionalisme serta hubungan faktor afektif murid dalam konteks sekolah luar bandar Malaysia.

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif berbentuk pra-eksperimen satu kumpulan dengan ujian pra dan pasca bagi menilai keberkesanan pembelajaran teradun terhadap penguasaan murid dalam topik Kebangkitan Nasionalisme. Reka bentuk ini dipilih kerana ia membolehkan perubahan tahap pencapaian murid diukur secara empirikal melalui perbandingan skor sebelum dan selepas intervensi dilaksanakan. Pendekatan pra-pasca sesuai digunakan dalam konteks bilik darjah sebenar kerana ia bersifat praktikal serta tidak mengganggu struktur pengajaran sedia ada, khususnya dalam persekitaran sekolah luar bandar yang mempunyai kekangan sumber dan masa.

Walaupun ketiadaan kumpulan kawalan diakui sebagai keterbatasan metodologi, langkah kawalan dalaman dilaksanakan bagi meminimumkan ancaman kesahan dalaman. Antara langkah tersebut termasuk penyelarasan kandungan pengajaran, penggunaan rancangan pengajaran yang seragam, tempoh intervensi yang konsisten serta pemantauan berterusan pelaksanaan PdP. Strategi ini selaras dengan cadangan kajian terdahulu yang menekankan kepentingan kawalan prosedur dalam kajian pra-eksperimen pendidikan (Creswell & Creswell, 2018).

Pemilihan reka bentuk ini turut disokong oleh kajian terdahulu yang menggunakan pendekatan serupa untuk menilai keberkesanan inovasi pedagogi dalam konteks autentik bilik darjah (Means et al., 2013; Graham, 2019). Oleh itu, reka bentuk ini dianggap paling sesuai untuk menjawab persoalan kajian berkaitan impak pembelajaran teradun terhadap pencapaian murid Sejarah. Reka bentuk ini juga membolehkan perbandingan dapatan kajian dibuat secara konseptual dengan penyelidikan terdahulu, sekali gus menyokong usaha replikasi empirikal terhadap model pembelajaran teradun dalam konteks kandungan dan persekitaran pembelajaran yang berbeza.

Populasi dan Persampelan

Populasi kajian terdiri daripada murid Tingkatan 4 di sebuah sekolah menengah luar bandar di negeri Sabah. Seramai 100 orang murid daripada tiga buah kelas terlibat sebagai sampel kajian. Teknik persampelan bertujuan digunakan kerana pemilihan sampel dibuat berdasarkan

kesesuaian konteks kajian, iaitu murid yang mengikuti mata pelajaran Sejarah dan terlibat secara langsung dalam pelaksanaan pembelajaran teradun.

Pemilihan teknik ini bertujuan memastikan keseragaman pengalaman pembelajaran dalam kalangan responden serta kesesuaian mereka dengan objektif kajian. Saiz sampel ditentukan berdasarkan kebolehpasaran populasi dan sokongan pihak sekolah, selaras dengan cadangan saiz sampel minimum bagi kajian pra-eksperimen dalam bidang pendidikan (Creswell & Creswell, 2018).

Kriteria kemasukan sampel melibatkan murid yang mengikuti mata pelajaran Sejarah secara formal, hadir secara konsisten sepanjang tempoh intervensi serta melengkapkan kedua-dua ujian pra dan pasca. Murid yang tidak hadir melebihi dua sesi intervensi atau gagal melengkapkan instrumen kajian dikecualikan daripada analisis akhir bagi memastikan ketepatan dan kesahan data. Pendekatan ini penting bagi mengelakkan bias pensampelan yang boleh menjejaskan interpretasi dapatan kajian.

Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan dua instrumen utama, iaitu ujian pencapaian Sejarah dan soal selidik persepsi, motivasi dan minat murid. Ujian pencapaian dibangunkan berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Sejarah Tingkatan 4 bagi topik Kebangkitan Nasionalisme. Item ujian merangkumi soalan objektif dan subjektif aras rendah hingga aras tinggi bagi mengukur penguasaan fakta, kefahaman konsep serta keupayaan aplikasi murid.

Soal selidik pula diadaptasi daripada instrumen kajian terdahulu yang telah disahkan (Rosman & Hamid, 2020; Mohammed, 2021) dan diubah suai mengikut konteks kajian semasa. Instrumen ini mengandungi beberapa konstruk utama, iaitu persepsi terhadap pembelajaran teradun, motivasi dan minat terhadap mata pelajaran Sejarah. Semua item menggunakan skala Likert lima mata daripada sangat tidak setuju hingga sangat setuju bagi memastikan kepekaan pengukuran respons murid.

Kesahan kandungan instrumen disahkan oleh tiga orang pakar dalam bidang pendidikan Sejarah dan pedagogi. Proses pengesahan melibatkan semakan kesesuaian item dengan konstruk yang diukur serta keselarasan dengan objektif kajian. Cadangan pakar digunakan untuk menambah baik struktur ayat, kejelasan item dan kesesuaian tahap bahasa dengan kebolehan murid. Bagi memastikan kebolehpasaran instrumen, kajian rintis dijalankan melibatkan 30 orang murid yang tidak terlibat dalam kajian sebenar. Analisis kebolehpasaran menggunakan pekali Alpha Cronbach menunjukkan nilai melebihi 0.80 bagi semua konstruk, menepati piawaian kebolehpasaran yang tinggi (Hair et al., 2018). Pengubahsuaian minor dilakukan berdasarkan dapatan kajian rintis bagi meningkatkan ketepatan dan kebolehfahaman item.

Prosedur Pengumpulan Data

Pengumpulan data dijalankan melalui tiga fasa utama. Fasa pertama melibatkan pentadbiran ujian pra bagi mengukur tahap penguasaan awal murid terhadap topik Kebangkitan

Nasionalisme. Ujian ini dilaksanakan sebelum intervensi pembelajaran teradun bermula bagi mendapatkan data garis dasar.

Fasa kedua merupakan pelaksanaan intervensi pembelajaran teradun selama enam minggu. Intervensi ini menggabungkan pengajaran bersemuka di dalam bilik darjah dengan penggunaan platform digital seperti Google Classroom, bahan video Sejarah, kuiz interaktif serta perbincangan dalam talian. Pendekatan ini direka bentuk bagi menyokong pembelajaran sendiri, kolaboratif dan reflektif sejajar dengan prinsip pembelajaran abad ke-21.

Fasa ketiga melibatkan pentadbiran ujian pasca dan pengedaran soal selidik bagi menilai perubahan tahap penguasaan murid serta persepsi, motivasi dan minat mereka selepas intervensi. Tempoh keseluruhan pengumpulan data berlangsung selama lapan minggu. Pertimbangan etika dititikberatkan dengan memperoleh kebenaran bertulis daripada pihak sekolah serta persetujuan bermaklumat daripada murid. Kerahsiaan identiti responden dijamin sepenuhnya dan data digunakan semata-mata untuk tujuan penyelidikan.

Analisis Data

Data dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS). Analisis deskriptif digunakan bagi menentukan min dan sisihan piawai bagi setiap konstruk kajian. Bagi menilai keberkesanan intervensi, ujian-t sampel berpasangan digunakan untuk membandingkan skor ujian pra dan pasca.

Analisis korelasi Pearson digunakan untuk menguji hubungan antara persepsi, motivasi dan minat murid dengan tahap penguasaan Sejarah. Pemilihan teknik analisis ini selaras dengan skala pengukuran data serta memenuhi andaian statistik yang diperlukan. Tahap signifikan ditetapkan pada aras $p < 0.05$ bagi menilai kebermaknaan statistik serta kekuatan dan arah hubungan antara pemboleh ubah kajian.

DAPATAN KAJIAN

Profil Responden Kajian

Kajian ini melibatkan seramai 100 orang murid Tingkatan 4 dari sebuah sekolah menengah luar bandar di Sabah yang dipilih melalui persampelan bertujuan. Pemilihan responden dibuat berdasarkan penglibatan langsung dalam pelaksanaan pembelajaran teradun serta kehadiran konsisten sepanjang tempoh intervensi. Analisis deskriptif dijalankan bagi memberikan gambaran menyeluruh tentang ciri demografi sampel kajian.

Dari segi pengagihan kelas, responden terdiri daripada 4 Jaya (37%), 4 Usaha (34%) dan 4 Bakti (29%). Berdasarkan jantina, 56% responden ialah murid lelaki manakala 44% murid perempuan. Dari segi komposisi etnik, majoriti responden ialah Bumiputera Sabah (84%), diikuti Melayu (7%), Cina (5%) dan lain-lain etnik (4%). **Jadual 1** memaparkan profil responden kajian.

Jadual 1: Profil Responden Kajian

	Kategori	Kekerapan (n = 100)	Peratusan (%)
Kelas	4 Usaha	34	34
	4 Jaya	37	37
	4 Bakti	29	29
Jantina	Lelaki	56	56.0
	Perempuan	44	44.0
Kaum	Melayu	7	7
	Cina	5	5
	India	0	0
	Bumiputera Sabah	84	84
	Lain-lain	4	4

Tahap Penguasaan Murid

Analisis ujian-t sampel berpasangan menunjukkan terdapat perbezaan signifikan antara skor ujian pra dan ujian pasca selepas pelaksanaan pembelajaran teradun. Skor ujian pra mencatatkan nilai min $M = 5.26$ ($SP = 1.315$), manakala skor ujian pasca mencatatkan nilai min $M = 3.13$ ($SP = 0.884$).

Perbezaan min antara ujian pra dan ujian pasca adalah signifikan ($\Delta M = 2.13$), dengan nilai $t(99) = 18.783$, $p < 0.001$. Dapatan ini menunjukkan peningkatan skor penguasaan murid yang signifikan selepas intervensi.

Nilai sisihan piawai ujian pasca ($SP = 0.884$) adalah lebih rendah berbanding ujian pra ($SP = 1.315$).

Dapatan ini menyokong corak penemuan kajian terdahulu berkaitan keberkesanan pembelajaran teradun terhadap pencapaian akademik, sekali gus memperluas bukti empirikal tersebut dalam konteks sekolah menengah luar bandar di Sabah. Jadual 2 menunjukkan keputusan ujian-t sampel berpasangan.

Jadual 2: Keputusan Ujian-t Sampel Berpasangan bagi Markah Ujian Pra dan Pasca Mata Pelajaran Sejarah (n = 100)

Pemboleh ubah	Min	Sisihan Piawai	Min Perbezaan	t	df	Sig. (2-hala)
Gred Ujian 1 Mata Pelajaran Sejarah (Pra Ujian)	5.26	1.315		18.783	99	< 0.001
Gred Pasca Ujian	3.13	0.884	2.13			

Nota: Skor yang lebih rendah menunjukkan penguasaan lebih tinggi.

Persepsi Murid terhadap Pembelajaran Teradun

Secara keseluruhan, persepsi murid terhadap pembelajaran teradun berada pada tahap tinggi, dengan hampir semua dimensi mencatatkan nilai min melebihi ambang tinggi ($M > 3.67$).

Bagi dimensi keberkesanan pembelajaran, nilai min berada dalam julat $M = 3.93$ hingga 4.58. Dimensi keterlibatan menunjukkan variasi tahap respons, dengan item keseronokan dan perhatian berada pada tahap tinggi, manakala penglibatan aktif dan keberanian menyuarakan pendapat berada pada tahap sederhana.

Dimensi fleksibiliti dan kebolehaksesan mencatatkan nilai min antara 3.98 hingga 4.22. Dimensi sokongan dan sumber menunjukkan nilai min tinggi, khususnya sokongan rakan sebaya ($M = 4.63$) dan bahan digital guru ($M = 4.61$). Item kesukaran teknologi mencatatkan nilai min rendah ($M = 1.67$).

Bagi dimensi kualiti teknologi dan platform, nilai min berada antara 4.21 hingga 4.44, manakala item gangguan teknikal berada pada tahap rendah ($M = 2.24$).

Dimensi motivasi dan minat Sejarah mencatatkan nilai min antara 3.93 hingga 4.60, manakala kepuasan keseluruhan berada dalam julat $M = 4.04$ hingga 4.36. Perincian skor item dipaparkan dalam Jadual 3.

Jadual 3: Persepsi Murid terhadap Pembelajaran Teradun

Item	Pernyataan Pembelajaran	Keberkesanan	Kekerapan/Peratusan					Min	SP	Tahap Min
			STS	TS	KS	S	SS			
C1	Video dan nota digital membantu saya memahami topik Kebangkitan Nasionalisme dengan lebih jelas.		0	3	9	34	54	4.39	0.777	Tinggi
C2	Kuiz dalam talian membantu saya mengingat fakta dan peristiwa Sejarah dengan lebih baik.		1	5	5	40	49	4.31	0.861	Tinggi
C3	Pembelajaran teradun membantu saya memahami maksud nasionalisme dengan lebih mudah.		1	2	10	56	31	4.14	0.752	Tinggi
C4	Saya mengetahui tokoh dan peristiwa penting dalam topik Kebangkitan Nasionalisme.		1	3	19	48	29	4.01	0.835	Tinggi
C5	Saya memahami sebab-sebab berlakunya kebangkitan nasionalisme di negara-negara Asia Tenggara.		0	1	13	40	46	4.31	0.734	Tinggi
C6	Saya boleh menjelaskan kesan penjajahan terhadap kebangkitan semangat nasionalisme.		0	5	26	40	29	3.93	0.868	Tinggi

C7	Saya tahu peranan tokoh nasionalis dalam perjuangan menuntut kemerdekaan.	3	2	10	64	21	3.98	0.816	Tinggi
C8	Pembelajaran topik ini menjadikan saya lebih menghargai semangat patriotisme.	0	1	8	23	68	4.58	0.684	Tinggi
C9	Saya seronok belajar Sejarah melalui gabungan pembelajaran dalam talian dan bersemuka	3	4	10	40	43	4.16	0.972	Tinggi
C10	Saya memberi perhatian semasa pembelajaran dalam talian dan bersemuka dijalankan.	3	3	16	36	42	4.11	0.984	Tinggi
C11	Saya aktif menyertai aktiviti pembelajaran dalam kelas dan dalam talian.	5	12	30	40	13	3.44	1.028	Sederhana
C12	Saya berani memberikan pendapat semasa perbincangan Sejarah dijalankan.	5	11	24	42	18	3.57	1.066	Sederhana
C13	Saya boleh belajar mengikut masa yang sesuai dengan jadual saya.	3	6	14	44	33	3.98	0.995	Tinggi
C14	Saya boleh mengulang pembelajaran Sejarah melalui bahan dalam talian.	2	3	13	35	47	4.22	0.927	Tinggi
C15	Saya boleh belajar mengikut kemampuan dan tahap pemahaman saya sendiri.	0	4	14	46	36	4.14	0.804	Tinggi
C16	Guru membimbing saya dengan baik semasa pembelajaran teradun.	0	2	4	53	41	4.33	0.652	Tinggi
C17	Rakan-rakan membantu saya apabila saya tidak memahami pelajaran Sejarah.	0	1	2	30	67	4.63	0.580	Tinggi
C18	Bahan digital yang disediakan guru membantu saya belajar dengan lebih baik.	0	1	5	26	68	4.61	0.634	Tinggi
C19	Saya menghadapi kesukaran menggunakan bahan atau aplikasi pembelajaran digital.	51	35	10	4	0	1.67	0.817	Rendah
C20	Platform pembelajaran yang digunakan mudah difahami.	0	3	7	33	57	4.44	0.756	Tinggi
C21	Platform pembelajaran membantu saya menyiapkan tugas Sejarah.	1	2	15	39	43	4.21	0.844	Tinggi

C22	Masalah teknikal dalam talian mengganggu pembelajaran Sejarah saya.	25	44	19	6	6	2.24	1.084	Rendah
C23	Gabungan pembelajaran dalam talian dan bersemuka menjadikan mata pelajaran Sejarah lebih menarik.	1	2	2	26	69	4.60	0.725	Tinggi
C24	Saya berminat untuk mengetahui lebih lanjut tentang Sejarah perjuangan negara.	1	1	15	44	39	4.19	0.800	Tinggi
C25	Saya yakin boleh memahami topik Sejarah yang sukar.	0	2	9	37	52	4.39	0.737	Tinggi
C26	Saya rasa Sejarah penting untuk memahami kehidupan hari ini.	1	3	12	35	49	4.28	0.866	Tinggi
C27	Minat saya terhadap Sejarah meningkat selepas pembelajaran teradun (gabungan pembelajaran dalam talian dan bersemuka)	0	5	4	61	30	4.16	0.721	Tinggi
C28	Dalam pembelajaran teradun, saya berasa mendapat sokongan daripada guru dan rakan-rakan dalam mempelajari subjek Sejarah.	1	3	9	28	59	4.41	0.854	Tinggi
C29	Saya berusaha untuk memahami Sejarah dengan lebih mendalam.	0	0	11	45	44	4.33	0.667	Tinggi
C30	Saya lebih rajin membaca atau menonton bahan Sejarah di luar waktu kelas.	4	6	16	41	33	3.93	1.047	Tinggi
C31	Saya berpuas hati dengan pembelajaran Sejarah secara teradun.	0	5	14	53	28	4.04	0.790	Tinggi
C32	Saya lebih suka pembelajaran teradun berbanding pembelajaran biasa.	1	2	10	40	47	4.30	0.810	Tinggi
C33	Saya ingin pembelajaran teradun diteruskan dalam mata pelajaran Sejarah.	4	3	4	31	58	4.36	0.990	Tinggi
C34	Pembelajaran teradun membantu saya belajar Sejarah dengan lebih baik.	1	2	6	49	42	4.29	0.756	Tinggi

Hubungan Persepsi Murid dengan Tahap Penguasaan Sejarah

Analisis korelasi Pearson menunjukkan tiada hubungan signifikan antara persepsi murid terhadap pembelajaran teradun dengan tahap penguasaan Sejarah ($r = -0.099$, $p = 0.329$). Keputusan analisis korelasi dipaparkan dalam Jadual 4.

Jadual 4: Keputusan Analisis Korelasi Pearson antara Persepsi Murid Terhadap Pembelajaran Teradun dengan Tahap Penguasaan Sejarah

Persepsi Murid Terhadap Pembelajaran Teradun dengan Tahap Penguasaan Sejarah	Pekali korelasi, r	Nilai signifikan, p
	-0.099	0.329

Nota: Tiada korelasi signifikan pada aras $p < 0.05$.

Tahap Motivasi dan Minat Murid

Analisis korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan signifikan tetapi lemah antara tahap motivasi dan minat murid dengan tahap penguasaan Sejarah selepas pelaksanaan pembelajaran teradun ($r = 0.197$, $p = 0.049$). Keputusan analisis ini ditunjukkan dalam Jadual 5.

Jadual 5: Keputusan Analisis Korelasi Pearson antara Tahap Motivasi dan Minat Murid dengan Tahap Penguasaan Sejarah

Motivasi dan minat murid dengan tahap penguasaan Sejarah	Pekali korelasi, r	Nilai signifikan, p
	0.197*	0.049

Nota: * Korelasi signifikan pada aras $p < 0.05$.

PERBINCANGAN KAJIAN

Keberkesanan Pembelajaran Teradun terhadap Penguasaan Murid

Dapatan kajian menunjukkan tahap penguasaan murid sebelum intervensi berada pada aras sederhana, yang mencerminkan realiti pedagogi Sejarah di sekolah yang masih dominan dengan pendekatan hafalan dan penyampaian sehalu. Corak ini selari dengan dapatan kajian tempatan yang melaporkan bahawa pedagogi berorientasikan fakta mengehadkan keupayaan murid untuk membina kefahaman konseptual dan tafsiran Sejarah secara kritis (Mahzan et al., 2014; Abdullah, 2019). Justeru, skor sederhana dalam ujian pra tidak wajar ditafsir sebagai kelemahan kognitif murid, sebaliknya sebagai manifestasi kelemahan struktur pengajaran yang kurang menepati prinsip pembelajaran bermakna.

Peningkatan ketara skor ujian pasca selepas pelaksanaan pembelajaran teradun mengukuhkan keberkesanan pendekatan ini sebagai intervensi pedagogi yang signifikan. Peningkatan ini boleh dijelaskan melalui perubahan ekologi pembelajaran yang lebih fleksibel dan berpusatkan murid, di mana murid berpeluang mengakses bahan secara sendiri, membuat ulang kaji mengikut kadar sendiri serta terlibat secara aktif dalam aktiviti kolaboratif. Dapatan

ini sejajar dengan kajian Amiruddin et al. (2020) dan Maskun et al. (2021) yang melaporkan bahawa integrasi bahan digital dan aktiviti interaktif meningkatkan kefahaman konsep serta daya ingatan bermakna murid. Hal ini menerangkan mengapa peningkatan pencapaian dalam kajian ini bersifat signifikan dan bukan kesan kebetulan.

Persepsi murid yang tinggi terhadap pembelajaran teradun pula menunjukkan pembentukan disposisi pembelajaran yang lebih kondusif. Apabila murid merasakan pembelajaran lebih relevan, interaktif dan bermakna, mereka lebih bersedia terlibat secara kognitif dalam proses pembelajaran. Corak ini sejajar dengan dapatan Cuesta Medina (2018) yang mendapati sikap positif terhadap teknologi pendidikan meningkatkan penglibatan kognitif dan prestasi akademik. Pada masa yang sama, tahap motivasi dan minat murid yang tinggi dapat dijelaskan melalui penggunaan bahan audio-visual dan aktiviti berasaskan teknologi yang merangsang imaginasi serta empati Sejarah, seperti yang dilaporkan oleh Haerawan et al. (2024).

Hubungan signifikan tetapi lemah antara motivasi, minat dan penguasaan akademik ($r = 0.197$, $p < 0.05$) menunjukkan bahawa faktor afektif menyokong penglibatan pembelajaran, namun bukan penentu dominan kepada pencapaian murid. Dapatan ini menyokong kajian Kaviza (2019) yang mendapati motivasi dan minat merupakan peramal signifikan kepada prestasi murid dalam mata pelajaran Sejarah. Oleh itu, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa peningkatan penguasaan murid lebih wajar dikaitkan dengan perubahan struktur pedagogi yang berpusatkan murid melalui pembelajaran teradun. Sumbangan utama kajian ini ialah memperlihatkan bahawa pendekatan teradun bukan sahaja sesuai untuk subjek teknikal, malah berkesan dalam pendidikan Sejarah, sekali gus mentransformasikan pembelajaran daripada hafalan pasif kepada pembinaan makna secara aktif dan kritikal.

Secara keseluruhan, dapatan ini menegaskan bahawa keberkesanan pembelajaran teradun dalam pendidikan Sejarah bergantung kepada reka bentuk pedagogi yang menyokong pembinaan pengetahuan secara aktif, khususnya dalam konteks luar bandar. Walau bagaimanapun, dapatan ini perlu ditafsir dalam kerangka keterbatasan metodologi dan konteks kajian.

Cabaran dan Keterbatasan Kajian

Walaupun dapatan kajian menunjukkan keberkesanan pembelajaran teradun, reka bentuk pra-eksperimen satu kumpulan tanpa kumpulan kawalan mengehadkan keupayaan membuat inferens sebab-akibat secara konklusif. Ketiadaan kumpulan perbandingan menyebabkan peningkatan skor pasca tidak boleh dikaitkan sepenuhnya dengan intervensi tanpa mempertimbangkan faktor luaran seperti kematangan murid, variasi pedagogi guru dan pendedahan pembelajaran di luar bilik darjah. Kekangan ini selari dengan hujah Creswell & Creswell (2018) bahawa reka bentuk tanpa kumpulan kawalan mempunyai kesahan dalaman yang lebih rendah berbanding eksperimen sebenar. Secara kritikal, keterbatasan ini menuntut tafsiran dapatan yang lebih berhati-hati agar kajian tidak terjerumus kepada tuntutan kausaliti yang berlebihan, sekali gus mengekalkan integriti epistemologi penyelidikan.

Selain itu, konteks kajian yang terhad kepada sebuah sekolah luar bandar di Sabah mengehadkan kebolehlaksanaan generalisasi dapatan, khususnya dalam landskap pendidikan

Malaysia yang bersifat heterogen. Faktor prasarana teknologi, kestabilan capaian internet dan latar belakang sosioekonomi murid berpotensi mempengaruhi keberkesanan intervensi, sejajar dengan laporan Kementerian Pendidikan Malaysia (2023) dan OECD (2023) tentang jurang digital. Di samping itu, penggunaan instrumen soal selidik sendiri turut terdedah kepada bias sosial (Abd Majid et al., 2023). Secara reflektif, keterbatasan ini bukan sahaja menandakan kekangan metodologi, malah membuka ruang kepada agenda penyelidikan masa hadapan yang lebih mantap melalui reka bentuk kuasi-eksperimen, triangulasi data dan pendekatan longitudinal bagi menghasilkan dapatan yang lebih kukuh dan boleh digeneralisasikan.

Justeru, dapatan ini bukan sahaja mengesahkan kebolegunaan teori sedia ada dalam konteks baharu, malah memperincikan syarat keberkesanan pembelajaran teradun, iaitu keperluan reka bentuk pedagogi yang berstruktur, sokongan pembelajaran yang konsisten, serta kejelasan tugas sebagai pengantara utama dalam menterjemahkan penerimaan murid kepada peningkatan pencapaian. Dalam konteks Pendidikan Sejarah luar bandar, kajian ini turut memperluas aplikasi Model Komuniti Pembelajaran dan Teori Motivasi Kendiri dengan menunjukkan bahawa motivasi dan minat berfungsi sebagai pemangkin penglibatan pembelajaran, manakala peningkatan penguasaan murid lebih dimediasi oleh kehadiran pengajaran dan kognitif yang diperkukuh melalui bimbingan guru yang konsisten, sekali gus menegaskan bahawa keberkesanan pembelajaran teradun tidak bergantung kepada persepsi positif semata-mata, tetapi dipacu oleh kualiti pelaksanaan pedagogi.

Implikasi Kajian terhadap Amalan Pendidikan dan Penyelidikan Masa Hadapan

Dari sudut amalan pendidikan, dapatan kajian ini memberikan implikasi penting kepada guru Sejarah untuk merancang pedagogi yang lebih fleksibel, berpusatkan murid dan berteraskan teknologi secara bermakna. Pembelajaran teradun membolehkan guru mempelbagaikan strategi pengajaran melalui penggunaan bahan digital, video dokumentari, sumber primer dalam talian serta aktiviti kolaboratif yang merangsang pemikiran kritis murid. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan kefahaman konsep Sejarah, malah membantu murid membina kemahiran pembelajaran sendiri dan pengurusan masa yang lebih baik. Sejalan dengan saranan UNESCO (2023), integrasi teknologi secara pedagogi dapat memperkukuh keberkesanan pengajaran dan menjadikan pembelajaran lebih relevan dengan keperluan abad ke-21.

Dari perspektif murid, pendekatan pembelajaran teradun berpotensi membentuk sikap positif terhadap pembelajaran sepanjang hayat serta meningkatkan literasi digital. Apabila murid diberikan autonomi dalam menentukan kadar dan kaedah pembelajaran, mereka menjadi lebih bertanggungjawab dan proaktif dalam proses pembelajaran. Implikasi ini penting kerana murid bukan sahaja memperoleh pengetahuan kandungan, tetapi turut membina kemahiran insaniah seperti komunikasi, kolaborasi dan pemikiran kritis yang diperlukan dalam dunia pekerjaan masa hadapan. Dari sudut pembuat dasar pula, dapatan kajian ini menyokong keperluan untuk memperluas pelaksanaan pembelajaran teradun secara sistematik, khususnya di sekolah luar bandar melalui penyediaan infrastruktur digital, latihan profesional guru dan pembangunan modul pembelajaran teradun yang standard. Implikasi ini menegaskan keperluan penjajaran antara dasar pendidikan digital dan realiti pelaksanaan bilik darjah, khususnya di kawasan luar bandar.

KESIMPULAN

Kajian ini mengukuhkan bahawa pelaksanaan pembelajaran teradun meningkatkan penguasaan murid terhadap topik Kebangkitan Nasionalisme secara signifikan, seperti yang ditunjukkan melalui perbezaan skor ujian pra dan pasca. Walaupun persepsi murid terhadap pembelajaran teradun berada pada tahap tinggi, analisis korelasi menunjukkan tiada hubungan signifikan dengan pencapaian akademik ($r = -0.099$, $p = 0.329$), manakala motivasi dan minat menunjukkan hubungan signifikan tetapi lemah dengan penguasaan Sejarah ($r = 0.197$, $p = 0.049$), menandakan peranannya sebagai pemangkin kepada penglibatan pembelajaran. Dapatan ini menegaskan bahawa keberkesanan pembelajaran teradun perlu disokong oleh reka bentuk pedagogi yang sistematik dan bimbingan guru yang konsisten agar disposisi positif murid dapat dimanfaatkan secara optimum untuk memperkukuh pembinaan pengetahuan Sejarah. Dari sudut amalan, kajian ini memberi implikasi kepada guru untuk merancang pengajaran yang lebih aktif, fleksibel dan berpusatkan murid, manakala dari perspektif pengurusan dan pentadbir pendidikan, ia menyokong keperluan memperluas pelaksanaan pembelajaran teradun melalui latihan profesional berterusan dan pengukuhan infrastruktur digital, khususnya di sekolah luar bandar. Walaupun kajian ini terhad oleh reka bentuk satu kumpulan tanpa kawalan, skop sampel yang terhad dan penggunaan instrumen sendiri, dapatan yang diperoleh menyediakan asas empirikal penting bagi kajian lanjutan menggunakan reka bentuk kuasi-eksperimen, pendekatan longitudinal dan kaedah kualitatif untuk memperkukuh pemahaman tentang keberkesanan pembelajaran teradun dalam pendidikan Sejarah.

RUJUKAN

- Abd Majid, U. M., Atan, N. A., & Mohd Yusof, S. 2023. Pembentukan kontinum pemikiran visual pelajar menerusi visualisasi hibrid pembelajaran servis (V-HIPS). *Jurnal Kemanusiaan*, 21(1): 73–84. <https://doi.org/10.11113/jur.kemanusiaan.v21n1.418>
- Abdullah, H. S. B., Awang, M. M. B., & Ahmad, A. R. 2019. Implementation of historical thinking skill among Malaysian students using history textbook: Concept, issues and challenges. In N. Noordin & N. Ngadnon (Eds.), *Sustainable development and societal wellbeing in the current technological era* (pp. 197–202). Redwhite Press. <https://doi.org/10.32698/GCS.0197>
- Amiruddin, A. Z., Ab Halim, Z., Zainuddin, N., Noorshamsinar, Z., Hasmadi, H., & Mohamad Rushdan, H. A. 2020. Kesiediaan pelajar Generasi Z di Universiti Malaysia Kelantan dalam pembelajaran teradun bahasa Arab dalam era IR4.0. *'Abqari Journal*, 22(1): 86–95. <https://doi.org/10.33102/abqari.vol22no1.281>
- Anderson, B. 2006. *Imagined communities*. Verso.
- Barton, K. C., & Levstik, L. S. 2004. *Teaching history for the common good*. Routledge.
- Bělohrad, R. 2019. Review of *Identity: The demand for dignity and the politics of resentment*. *Pro-Fil*, 20(1): 65–66.
- Bernama. 2025. SPM 2024 catat keputusan terbaik sejak 2013 – KP Pendidikan. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/spm-2024-catat-keputusan-terbaik-sejak-2013-kp-pendidikan-517955>

- Bidin, S., & Ziden, A. A. 2013. Adoption and application of mobile learning in the education industry. *Procedia–Social and Behavioral Sciences*, 90: 720–729. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2013.07.145>
- Castells, M. 2010. The network society: From knowledge to policy. In M. Castells & G. Cardoso (Eds.), *The network society: From knowledge to policy* (pp. 3–22). Johns Hopkins Center for Transatlantic Relations.
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. 2018. *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (5th ed.). SAGE.
- Darling-Hammond, L., Hyler, M. E., & Gardner, M. 2017. *Effective teacher professional development*. Learning Policy Institute. <https://doi.org/10.54300/122.311>
- Garrison, D. R., & Vaughan, N. D. 2011. *Blended learning in higher education: Framework, principles, and guidelines*. Jossey-Bass.
- Graham, C. R. 2019. Current research in blended learning. In A. G. Picciano et al. (Eds.), *Blended Learning: Research Perspectives* (Vol. 2). Routledge.
- Graham, C. R. 2006. Blended learning systems: Definition, current trends, and future directions. In C. J. Bonk & C. R. Graham (Eds.), *The handbook of blended learning* (pp. 3–21). Pfeiffer.
- Haerawan, H., Cale, W., & Barroso, U. 2024. The effectiveness of interactive videos in increasing student engagement in online learning. *Journal of Computer Science Advancements*, 2(5): 244–258. <https://doi.org/10.70177/jsca.v2i5.1322>
- Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., & Anderson, R. E. 2018. *Multivariate data analysis* (8th ed.). Cengage.
- Jaafar, S. A., & Noor, A. M. 2016. Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Sejarah di sekolah-sekolah di Malaysia, 1957–1989. *Sejarah*, 25(2): 40–57.
- Kaviza, M. 2019. Persepsi penerimaan murid terhadap pelaksanaan model flipped classroom peer instruction dalam mata pelajaran Sejarah. *ATTARBAWIY: Malaysian Online Journal of Education*, 3(2), 39–47. <https://doi.org/10.53840/attarbawiy.v3i2.33>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025*. KPM.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2021. *Dasar Pendidikan Digital 2021*. Bahagian Teknologi Pendidikan.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2023. *Garis panduan amalan PdP digital sekolah menengah*. BTP.
- Laila. 2021. Pendidikan Sejarah bentuk jati diri, didik pelajar jadi generasi celik sejarah. *Sinar Bestari*. <https://sinarbestari.sinarharian.com.my/komuniti/pendidikan-sejarah-bentuk-jatidiri-didik-pelajar-jadi-generasi-celik-sejarah>
- Lee, B. N. 2025. Pedagogical practices in history education: A comparative study of China and Malaysia's higher learning institutions. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*, 71–82.
- Lévesque, S. 2008. *Thinking historically: Educating students for the twenty-first century*. University of Toronto Press.

- Mahzan, M., Razaq Ahmad, A., Muhaimi, M., & Rahman, A. 2014. Penggunaan peta minda oleh pelajar pintar cerdas dalam pembelajaran Sejarah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 39(2): 95–100.
- Maskun, M., Sumargono, S., Pratama, R. A., & Maydiantoro, A. 2021. The effectiveness of historical documentary films in improving student learning outcomes. *International Journal of Education and Information Technologies*, 15, 183–190.
- Means, B., Toyama, Y., Murphy, R., Bakia, M., & Jones, K. 2013. *The effectiveness of online and blended learning: A meta-analysis of the empirical literature*. Teachers College Record, 115(3): 1–47.
- Mohammed, W. A. M. 2021. The impact of a project-based blended learning program on improving EFL secondary students' productive language skills. *Mağallat Kulliyat Al-Tarbiyyat Bil-Manşūrat*, 115(4): 135–166.
- Noraini, I. (2010). *Penyelidikan dalam pendidikan*. McGraw-Hill Education.
- OECD. 2023. *OECD digital education outlook 2023*. OECD Publishing. <https://doi.org/10.1787/c74f03de-en>
- Rosman, N., & Hamid, J. 2020. Penguasaan konsep pengaturcaraan melalui pembelajaran teradun: Satu kajian kes. *Journal of ICT in Education*, 7(1), 52–57.
- Salleh, H., & Manaf, A. M. 2017. Pengintegrasian pembelajaran teradun dalam pembelajaran berasaskan kerja. *Jurnal Kejuruteraan, Teknologi dan Sains Sosial*, 1(1).
- Seixas, P., & Morton, T. 2013. *The big six historical thinking concepts*. Nelson Education.
- Smith, A. D. (2010). *Nationalism* (2nd ed.). Polity Press.
- UNESCO. 2023. *Global education monitoring report 2023: Technology in education – A tool on whose terms*. UNESCO.
- VanSledright, B. A. 2014. *Assessing historical thinking and understanding*. Routledge.
- Vygotsky, L. S. 1978. *Mind in society*. Harvard University Press.
- Wineburg, S. 2015. Why historical thinking is not about history. Stanford History Education Group. <https://purl.stanford.edu/yy383km0067>
- Wineburg, S., Breakstone, J., McGrew, S., & Ortega, T. 2016. *Evaluating information: The cornerstone of online civic literacy*. Stanford History Education Group.